

21/05/2003

Tiada kasino di Bukit Tinggi

Mohd Azlan Jaafar

DENGKIL: Kerajaan tidak pernah mengeluarkan lesen atau membenarkan operasi

kasino di Bukit Tinggi Resort Pahang, malah lesen mesin slot di pusat peranginan itu juga sudah ditarik balik.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata pemilik pusat peranginan itu sebelum ini hanya diberi lesen menyediakan mesin slot di kelab untuk ahlinya.

"Tak ada kasino... ini saya tak tahu siapa panggil dia kasino. Saya fikir mereka mungkin salah guna lesen mesin slot dan saya sudah arah supaya dihentikan... tak dak lagi... sudah diarah tidak boleh diadakan lagi.

"Ia bukan kasino seperti Genting Highlands, tetapi ada pihak menggunakan perkataan kasino bagi memburukkan kerajaan.

"Ia bukan kasino. Kita tidak lagi mengeluarkan lesen untuk kasino," katanya pada sidang media selepas majlis pecah tanah projek Bio Valley Malaysia di sini, semalam.

Perdana Menteri diminta mengulas dakwaan parti pembangkang kononnya kerajaan membenarkan operasi kasino di kawasan peranginan Bukit Tinggi.

Lidah rasmi Pas, Harakah, dalam keluaran Mei memaparkan tajuk utama 'Pahang Darul Kasino?' dengan mendakwa sebuah lagi pusat perjudian akan dibuka di Bukit Tinggi selepas Genting Highlands.

Sebelum ini, Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob juga menafikan dakwaan itu dan menyifatkan tuduhan itu serius kerana menuduh kerajaan negeri menggalakkan perjudian.

Adnan berkata, Pas memang suka melabelkan sesuatu, selain berusaha memesongkan pemikiran rakyat dengan ajaran yang bertentangan dengan ajaran Islam sebenar.